

17 OCT 2003

Poskad-Mahathir

MBM: 5 JUTA POSKAD TANDA TERIMA KASIH PADA PM

SHAH ALAM, 17 Okt (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) akan mengedarkan lima juta poskad ke seluruh negara bagi membolehkan orang ramai menyampaikan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara hujung bulan ini.

Presiden MBM Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata poskad itu akan diedarkan melalui pejabat pos, sekolah, pusat pengajian tinggi, kompleks membeli-belah dan saluran lain bagi mengalakkan generasi muda menyatakan penghargaan mereka kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata kempen itu akan dilancarkan pada 29 Okt ini, sehari sebelum persaraan Dr Mahathir, dan akan berakhir pada 30 Nov.

"Sumbangan Dr Mahathir tidak dapat dibayar. Kita bukan mahu mendewa-dewakan sesiapa tetapi kita orang yang mengenang jasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penghargaan sukarelawan MBM di sini hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata selama 22 tahun Dr Mahathir memimpin negara, beliau bukan sahaja telah membangunkan negara, malah telah menjadikan rakyat Malaysia bangsa yang berkeyakinan tinggi.

Pada majlis hari ini, Dr Mohamad Khir menyampaikan "Anugerah Pahlawan Belia Malaysia" yang pertama kepada Aisyah Ismail, 13, kerana keberaniannya berkayak mengharungi Selat Melaka bersama rakan-rakannya dalam Majlis Gabungan Belia Melaka pada Cabaran Kayak Merdeka, 31 Ogos lepas.

Anugerah Pahlawan Belia Malaysia diberikan kepada organisasi atau individu berusia di bawah 40 tahun yang mengharumkan nama negara sama ada sumbangan bakti atau keberanian yang boleh dicontohi rakan sebaya.

Dr Mohamad Khir yang juga Menteri Besar Selangor turut menyampaikan bantuan kewangan berjumlah RM260,000 kepada gabungan MBM bagi meningkatkan kecekapan pengurusan persatuan.

-- BERNAMA

LES HM LAT